

Jawatankuasa Amalan 5S UMS'- KAL lawat Kolej Vokasional

UB 15-08-2012 B10

LABUAN : Seramai 16 orang Ahli Jawatankuasa (AJK) Induk dan Ketua Pelaksana Amalan 5S Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Kolej Vokasional Labuan (KVL), kelmarin.

Lawatan itu diketuai Pustakawan Kanan yang juga Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Induk 5S UMS-KAL, Baharin Entoh.

Beliau berkata lawatan itu bertujuan untuk mendapatkan pengetahuan dan pengalaman baru di KVL yang telah mendapat Persijilan Amalan 5S daripada MPC pada 18

Mei lalu.

Katanya, melalui lawatan itu Ketua Pelaksana Amalan 5S akan mendapat idea baru untuk digunapakai di UMS-KAL terutama di bahagian pejabat pentadbiran, makmal, kolej kediaman dan kawasan persekitaran.

“Ketua Pelaksana Amalan 5S UMS-KAL mendapat idea baru mengenai 5S untuk diamalkan di UMS-KAL,” katanya.

Pengarah Kolej Vokasional Labuan, Siti Muslihah Leeudin menyampaikan taklimat amalan persekitaran 5S kolej berkenaan.

Menurut Siti Muslihah, beliau sangat berbangga dengan

kesungguhan dan komitmen warga KVL termasuk staf, pensyarah dan pelajar yang berterusan mengamalkan Amalan 5S itu.

Malah, katanya, ahli keluarga staf dan pensyarah akan membantu mengemas dan membersihkan kawasan pejabat sekaligus membuktikan Amalan 5S turut mengeratkan hubungan kekeluargaan yang sangat rapat.

Beliau berkata walaupun pihaknya berhadapan dengan pelbagai halangan dan kekangan tetapi semuanya dihadapi dengan sabar sehingga akhirnya mereka memperolehi kejayaan yang diharapkan.

“Amalan 5S ini perlu diterapkan kepada semua staf dan tenaga pengajar serta pelajar kerana ianya memberikan banyak manfaat dalam membantu meningkatkan prestasi masing-masing,” katanya.

SITI Muslihah (empat kanan) dan Baharin (tiga kiri) bergambarkenanangan bersama AJK Pelaksana Amalan 5S UMS-KAL.

